

10 JUN 1998

MAHATHIR-JEPUN/I

JEPUN BOLEH BANTU DIRI SENDIRI DENGAN MEMBANTU YANG LAIN

Analisis

Oleh: Michael Raj

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Tiada waktu yang lebih sesuai daripada ketika ini bagi Jepun untuk membantu dirinya sendiri dengan membantu yang lain, satu resepi kejayaan yang telah terbukti berjaya sebelum ini dalam mendorong kemajuan ekonomi Asia Timur dan ia masih boleh diharapkan untuk membantu ekonomi-ekonomi ini meraih semula kecemerlangan yang pernah dikecapi dahulu.

Keyakinan yang berkembang di kalangan pemimpin-pemimpin tertentu dan penganalisis adalah jelas hasil daripada pendapat yang dilahirkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada rakan sejawatannya, Ryutaro Hashimoto, serta pegawai korporat tertinggi ketika beliau berada di Tokyo minggu lalu.

Tidak syak lagi, Jepun sendiri sedikit sebanyak berada dalam kekacauan kewangan tetapi tidak dinafikan negara itu masih sebuah kuasa ekonomi yang memiliki sejumlah besar wang, suatu barangan yang begitu kekurangan di negara-negara Asia Tenggara ketika ini.

Seperti yang dimaklumkan oleh Dr Mahathir kepada Hashimoto dalam satu majlis makan malam pada Khamis lalu, ketika keseluruhan Asia Timur berada dalam keadaan tertekan dan miskin, Jepun pula berada dalam kedudukan "negara tertekan yang terkaya di dunia."

Pemimpin Malaysia itu merasakan Tokyo masih mempunyai kapasiti untuk berkembang dan menjadi jentera pertumbuhan bagi rantau ini, walaupun pada ketika Asia Timur dibelenggu oleh krisis kewangan.

"Anda mempunyai modal, teknologi, kemahiran dan apa sahaja yang diperlukan untuk mengembangkan ekonomi anda. Anda sepatutnya menggunakan semua aset ini dan menyediakan teraju yang diperlukan oleh rantau ini," kata Dr Mahathir.

Ia adalah peranan yang harus dimainkan oleh Jepun, sama ada ia suka ataupun tidak, kerana ia akan membantu negara-negara seperti Malaysia yang akan terus menjadi pasaran menguntungkan serta medan ujian bagi pasaran Jepun.

"Apa yang Malaysia dan keseluruhan rantau ini perlukan adalah pemulihan pelaburan Jepun untuk mewujudkan peluang pekerjaan, menggerakkan pertumbuhan ekonomi dan secara tidak langsung mewujudkan pasaran barangan bagi Jepun," katanya kepada satu seminar yang dihadiri oleh 200 ketua korporat dan pakar ekonomi dari Jepun.

Secara asasnya Asia Timur begitu terdesak untuk mendapatkan wang dan Jepun pula mempunyai wang. Atas alasan itu, sebelum Malaysia boleh sekali lagi menjadi pasaran baik bagi Jepun, negara itu mestilah terlebih dahulu melabur di Malaysia dan menggiatkan ekonominya.

Dr Mahathir tidak menafikan Malaysia masih mempraktikkan dasar "pandang ke Timur" ke Jepun, malahan juga dalam pembelajaran mengenai kesilapan-kesilapan negara itu seperti ketika Tokyo gagal untuk menangani masalah pinjaman lapuk yang membawa kepada skandal perbankan ketika ini.

Kegagalan Jepun untuk bertindak telah memberi pengajaran kepada Malaysia. Tetapi bagi pihak Malaysia, ia telah menubuhkan Pengurusan Dana Harta Bhd, sebuah syarikat pengurusan harta yang akan membeli pinjaman tidak berbayar (NPL) daripada sistem perbankan, 11 bulan selepas krisis kewangan tercetus.

Meskipun banyak kritikan yang dilemparkan kepada Jepun kerana tidak mengambil langkah yang secukupnya untuk menangani masalah itu, Dr Mahathir tetap memuji Tokyo kerana menjadi pembawa standard tunggal bagi Asia di

mesyuarat kumpulan lapan (G-8) negara-negara perindustrian yang diadakan baru-baru ini.

Beliau mendedahkan sebelum mesyuarat di Birmingham, Hashimoto menghantar wakil untuk memberi taklimat ringkas kepadanya dan mengambil pandangan Kuala Lumpur, malahan menghantar wakil sekali lagi selepas sidang kemuncak itu untuk menjelaskan mengenai hasilnya.

Dr Mahathir yang memuji Jepun kerana menasihatkan Malaysia dan kemungkinan negara-negara Asia Tenggara lain turut menyatakan bahawa Asia Barat dan Asia Tengah, kedua-duanya rantau penting, perlu juga diberi khidmat nasihat.

Beliau juga menyatakan telah menyuarakan hasrat Malaysia untuk mendapatkan sumber bagi pinjaman yen sekali lagi dalam rundingan dengan Hashimoto, di mana ia dilihat sebagai pertukaran utama dalam dasar bahawa kini mata wang Jepun telah menyusut nilai berbanding mata wang utama lain.

Dengan yen terapung pada kerendahan tujuh tahun pada paras 141 yen berbanding dolar Amerika, kini adalah masa terbaik bagi Malaysia untuk memimjam dalam yen bagi meringankan kesan pinjaman dalam mata wang lain seperti dolar Amerika.

Walaupun sesetengah pihak mungkin mengkritik tindakan itu kerana ia mungkin akan meningkatkan tahap keberhutangan negara, hakikatnya adalah kerajaan tidak mempunyai pilihan lain selain meningkatkan mudah tunai dalam sistem perbankan bagi menggerakkan kegiatan perniagaan.

Sesetengah penganalisis berkata dengan keadaan sektor swasta yang tertekan untuk menghasilkan aktiviti memandangkan kepada kadar faedah tinggi bagi pinjaman, tanggungjawab terletak di bahu kerajaan untuk menjadi pemangkin bagi pertumbuhan, seperti sebelum ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir masih tidak dapat menyembunyikan kekecewaannya terhadap pengunduran Jepun daripada skim penyelamat untuk membantu ekonomi-ekonomi Asia Tenggara yang menghadapi masalah berikutan krisis ekonomi walaupun menunjukkan minat pada peringkat awalnya. Walaupun Jepun bersedia memberikan bantuan AS\$50 bilion pada satu ketika, beliau kesal bahawa Jepun tunduk kepada tekanan daripada beberapa pihak yang mendakwa bantuan Tokyo akan menafikan keberkesanan bantuan yang disediakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

-- BERNAMA

MR ZK MA